



WESLEY FOFANA

LEICESTER City meletakkan tanda harga bernilai £70 juta (RM312.27 juta) untuk melepaskan pemain pertahanannya ini yang dikaitkan dengan Chelsea. Fofana menarik minat Chelsea yang sedang memberi tumpuan kepada benteng pertahanan, namun masih belum membuat tawaran rasmi.



AARON RAMSEY

BEKAS pemain Arsenal ini membuat keputusan meninggalkan Juventus menerusi persetujuan bersama. Ramsey menghabiskan separuh musim lalu menyertai Rangers dengan kontrak pinjaman dan kini sedang mencari kelab baharu untuk disertai.

Jendela perpindahan



PIOTR ZIELINKSI

WEST Ham United akan meningkatkan nilai tawaran kepada Napoli untuk mendapatkan khidmat pemain tengah ini. Skuad kendalian David Moyes itu mahu menjadikan Zielinski sebagai pemain keempat dibawa masuk mereka selepas Nayef Aguerd, Flynn Dowes dan Alphonse Areola.

TIMO WERNER

CHELSEA tidak keberatan untuk melepaskan penyerangnya pada jendela perpindahan kali ini dengan syarat mereka mendapat pemain gantian. Werner terdesak untuk mendapatkan minit permainan yang lebih banyak dan Newcastle United dilapor sedia menunaikan hasratnya itu.

LUIS SUAREZ

BEKAS penyerang Atletico Madrid ini membuat keputusan untuk kembali ke kampung halamannya di Uruguay dengan menyertai kelab ketika zaman remajanya, Nacional. Suarez meninggalkan Nacional pada 2005 untuk beraksi di Eropah dan kini hampir pasti kembali menyertai pasukan berkenaan.